

SOALAN NO: 10

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
KAWASAN : LANANG  
TARIKH : 07 MAC 2018, RABU**

**SOALAN:**

**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) berapa peratus dan panjang jalan raya di Lebuhraya Pan Borneo yang merupakan jalan raya berkembar dua hala (*dual carriageway*); dan

(b) sama ada lampu jalan akan dipasang di seluruh Lebuhraya Pan Borneo untuk menjamin keselamatan jalan raya.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Lebuhraya Pan Borneo merupakan inisiatif Kerajaan bagi menaiktaraf jaringan jalan raya Persekutuan sedia ada secara berfasa daripada dua lorong dua hala (*single carriageway*) kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*) seperti berikut:

1. Daripada keseluruhan 706 km bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah, sepanjang 571 km atau 81% adalah jajaran empat lorong dua hala (*dual carriageway*) yang merangkumi kawasan:
  - a. Sindumin ke Tuaran
  - b. Ranau ke Sandakan
  - c. Sandakan ke Tawau

Manakala 135 km atau 19% bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah jajaran dua lorong dua hala (*single carriageway*) dari Tuaran ke Kudat.

2. Untuk Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, daripada panjang keseluruhan 786 km, sepanjang 753 km atau 96% merupakan jajaran empat lorong dua hala (*dual carriageway*) dari Sematan ke Miri. Baki 33 km atau 4% merupakan jajaran dua lorong dua hala (*single carriageway*) bagi jajaran Telok Melano ke Sematan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan spesifikasi *dual carriageway* dan *single carriageway* adalah berdasarkan kajian trafik dan mengambil kira keperluan semasa kawasan tersebut.

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian amat menitikberatkan faktor keselamatan pengguna jalan raya dalam merancang dan membina infrastruktur jalan raya. Sehubungan itu, selaras dengan usaha menaiktaraf jalan Lebuhraya Pan Borneo, lampu jalan akan dipasang di lokasi-lokasi berikut:

- a. P-Turn;
- b. Persimpangan utama dan persimpangan bertingkat;
- c. Jajaran dengan lampu jalan sedia ada; dan
- d. Jambatan dengan panjang minimum 100 m atau jambatan dengan lampu jalan sedia ada.

Sekian, terima kasih.